

## **PERADUAN 'MyDebit Je dengan Kad ATM anda dan MENANG di SOGO Foodgarden'**

**1 Mac – 31 Mei 2020**

### **TERMA & SYARAT**

#### **A. PENGANJUR**

1. Peraduan "MyDebit Je dengan Kad ATM anda dan MENANG di SOGO Foodgarden" ("Peraduan") ini dianjurkan oleh **XINGPAO ENTERPRISE SDN BHD (Company No.: 187551-T)**, ("Penganjur") dengan kerjasama **PAYMENTS NETWORK MALAYSIA SDN. BHD. ("PayNet") (No Syarikat: 200801035403 (836743-D)) ("Penaja Hadiah")**.

#### **B. TEMPOH PERADUAN**

1. Peraduan ini akan bermula dari 0:00:00 pagi pada **1 Mac 2020** hingga 23:59:59 pada **31 Mei 2020** ("Tempoh Peraduan").
2. Semua penyertaan yang diterima selepas Tempoh Peraduan tidak akan dilayan.
3. Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, untuk mengubah, menangguhkan, mengemas kini dan/atau melanjutkan Tempoh Peraduan dan/atau membatalkan/menamatkan Peraduan pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.

#### **C. KELAYAKAN**

1. Peraduan ini terbuka kepada semua pemegang Kad Mesin Automatik ("ATM") MyDebit yang dikeluarkan oleh institusi kewangan di Malaysia ("Pelanggan").
2. Hanya Pelanggan berwarganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas dan mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah (contoh: kad pengenalan) layak menyertai Peraduan.
3. Pelanggan juga mesti mempunyai akaun yang sah dengan mana-mana institusi kewangan di Malaysia yang tidak dormant dan dalam kedudukan kewangan yang baik, semasa Tempoh Peraduan sehingga penebusan Hadiah.
4. Pelanggan mestilah mematuhi kepada semua syarat kelayakan yang dinyatakan di atas untuk di ambil kira sebagai Pelanggan yang layak.
5. Pengarah, pegawai dan pekerja serta ibu bapa, pasangan dan anak-anak pihak Penganjur dan Penaja Hadiah tidak layak menyertai Peraduan ini.

#### **D. KRITERIA KELAYAKAN**

1. Pelanggan mesti membelanjakan minimum RM10 dalam satu resit menggunakan kad ATM MyDebit melalui transaksi tanpa sentuh di SOGO Foodgarden bertempat di SOGO KL sahaja untuk layak menyertai Peraduan ini.

2. Satu transaksi di dalam satu resit yang tidak kurang dari RM10 berkelayakan untuk dikira sebagai satu penyertaan.
3. Pelanggan perlu melengkapkan Borang Peraduan yang boleh diperolehi di mana-mana kaunter penyewa di SOGO Foodgarden Food Court, SOGO KL dan dilampirkan bersama resit asal pembelian dan resit asal MyDebit (secara kolektif dirujuk sebagai “Borang Peraduan”) dengan maklumat-maklumat tersebut:
  - a. Nama penuh;
  - b. Nombor kad pengenalan;
  - c. Alamat emel;
  - d. Nombor telefon; dan
  - e. Jawab soalan Peraduan dengan tepat.
4. Lengkapi Borang Peraduan dan hantar dengan memasukkan Borang Peraduan tersebut ke dalam kotak yang disediakan di Tingkat 6, SOGO Foodgarden Food Court, SOGO KL (bersebelahan tangga bergerak).
5. Hanya transaksi menggunakan Kad ATM MyDebit secara transaksi tanpa sentuh yang dibuat dalam Tempoh Peraduan layak untuk menyertai Peraduan.
6. Penyertaan mestilah dihantar pada/sebelum hari/tarikh akhir untuk sesuatu Tempoh Peraduan Bulanan Tersebut. Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan Bulanan adalah tidak sah dan akan dibatalkan. Sebagai contoh: Borang Peraduan bertarikh 1 Mac 2020 (Bulan 1 di dalam Peraduan Bulanan) mestilah di hantar pada atau sebelum 31 Mac 2020. Borang Peraduan tersebut tidak akan layak untuk penyertaan Tempoh Peraduan Bulanan yang seterusnya [**“Tempoh Peraduan Bulanan”**].
7. **Tempoh Peraduan Bulanan:**
  - i. **Bulan 1: 1 Mac – 31 Mac 2020;**
  - ii. **Bulan 2: 1 April – 30 April 2020;**
  - iii. **Bulan 3: 1 Mei – 31 Mei 2020;**
8. Sebarang penyertaan lewat adalah tidak layak. Tiada sebarang rayuan akan dilayan.
9. Pembelian yang dibatalkan atau pembelian yang dikembalikan adalah tidak layak untuk menyertai Peraduan ini yang kedua-duanya di bawah budi bicara mutlak pihak Penganjur.

#### **E. PEMILIHAN PEMENANG**

1. Pada setiap akhir Tempoh Peraduan Bulanan, pemenang akan dipilih oleh Pihak Penganjur dan Penaja Hadiah melalui cabutan secara rawak berdasarkan jumlah penyertaan yang layak diperolehi dalam bulan yang tersebut mengikut Tempoh Peraduan Bulanan (sebagai contoh

hanya penyertaan Bulan 1 layak dicabut dan memenangi pada Bulan 1 tersebut). Pemenang yang dipilih akan dihubungi melalui telefon atau e-mel untuk memaklumkan kemenangan oleh Penganjur ("Pemenang Senarai Pendek").

2. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, hanya Borang Peraduan yang dihantar mengikut Tempoh Peraduan Bulanan berkaitan layak memenangi Hadiah untuk tempoh tersebut. Sebagai contoh, sekiranya Borang Peraduan bertarikh 1 Mac 2020, ia hanya layak dihantar untuk tempoh Bulan 1 sahaja dan hanya layak untuk pemilihan Hadiah bagi tempoh tersebut. Penyertaan tersebut tidak layak untuk tempoh-tempoh lain. Seterusnya pemilihan pemenang untuk Tempoh Peraduan Bulanan yang berikutnya adalah dibuat dengan penyertaan untuk bulan berkaitan sahaja.
3. Sekiranya Penganjur tidak dapat menghubungi Pemenang Senarai Pendek selepas tiga (3) kali percubaan (tiada jawapan, nombor telefon tidak dalam perkhidmatan atau tiada hubungan rangkaian dan lain-lain), Penganjur mempunyai hak untuk memilih Pemenang Senarai Pendek yang berikutnya dengan menjalani proses yang sama. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pemenang Senarai Pendek tidak dapat dihubungi atas apa jua sebab.
4. Setiap Pelanggan hanya boleh memenangi satu (1) Hadiah sepanjang Tempoh Peraduan, tanpa mengira bilangan penyertaan yang diterima oleh Penganjur.
5. Pemenang Senarai Pendek akan diumumkan dalam masa tidak lebih dari 45 hari selepas Tempoh Peraduan berakhir dan nama pemenang akan diterbitkan di laman web Penganjur.
6. Semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berhubung dengan Peraduan ini tetapi tidak terhad kepada senarai pendek, pemilihan pemenang dan pelucutan Hadiah adalah muktamad dan konklusif. Tiada surat-menyurat, pertanyaan atau rayuan akan dilayan.

## **F. HADIAH**

1. Hadiah untuk Peraduan ini adalah:  
  
Kad Hadiah SOGO bernilai RM200 untuk setiap pemenang. 40 pemenang setiap bulan (untuk 3 bulan).
2. Hadiah tidak boleh dipindah hak milik.
3. Pihak Penganjur berhak untuk menukar atau menggantikan Hadiah yang ditawarkan dalam Peraduan ini dengan Hadiah lain yang sama nilainya tanpa notis terlebih dahulu.

## **G. PENEBUSAN HADIAH**

1. Hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pembekal Hadiah. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur/Penaja Hadiah dan ejennya tidak bertanggungjawab terhadap semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan kepada butir-butir Hadiah atau apa-apa keadaan yang tidak diduga di luar kawalan yang munasabah oleh pihak Penganjur dan untuk apa-apa perbuatan atau keingkaran oleh mana-mana vendor atau pembekal pihak ketiga.
2. Hadiah akan diberikan selepas tamat Tempoh Peraduan.
3. Pihak Penganjur berhak untuk menggantikan Hadiah dengan hadiah lain yang sama nilai tanpa notis terlebih dahulu.
4. Semua pemenang tidak dibenarkan menukar Hadiah dengan tunai.
5. Apabila pemenang dimaklumkan mengenai kemenangan mereka, pemenang dikehendaki menebus hadiah mereka dalam tempoh yang ditetapkan oleh penganjur. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pelucutan terhadap hak kemenangan tersebut dan tiada bayaran balik akan diberikan untuk sebarang Hadiah yang tidak dituntut. Seterusnya, pemenang layak seterusnya akan dipilih.
6. Dokumen pengenalan diri asal seperti kad pengenalan mestilah ditunjukkan untuk penebusan Hadiah.
7. Pemenang mesti mengambil Hadiah seperti yang tersedia.
8. Hadiah tidak boleh dikembalikan dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai. Penganjur tidak akan melayan terhadap sebarang aduan mengenai kualiti dan kuantiti Hadiah selepas menyerahkan Hadiah yang berkenaan kepada pemenang.
9. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku kepada Hadiah semasa proses penghantaran. Apa-apa kos tambahan lain (sebagai contoh perbelanjaan perjalanan dan cukai yang berkaitan) yang terlibat untuk menebus atau mengambil Hadiah akan ditanggung sepenuhnya oleh pemenang.
10. Penganjur berhak untuk menangguhkan tarikh dan tempat bagi menuntut Hadiah yang telah ditentukan pada masa yang lain yang akan dimaklumkan oleh Penganjur kepada pemenang sekiranya berlaku apa-apa keadaan yang di luar jangkaan dari semasa ke semasa.
11. Visual Hadiah yang dipamerkan dalam mana-mana iklan, publisiti promosi dan bahan lain yang berkaitan dengan Peraduan ini adalah tujuan ilustrasi sahaja dan tidak boleh menggambarkan Hadiah yang sebenar.

## **H. SYARAT UMUM**

1. Dengan menyertai Peraduan ini, Pelanggan bersetuju untuk melepaskan Penganjur dan Penaja Hadiah dari apa-apa liabiliti, kerugian, hak ganti rugi, dan apa-apa jenis tuntutan dan tindakan yang terhasil daripada penerimaan, pemilikan, penggunaan atau penyalahgunaan Hadiah, atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan Hadiah atau Peraduan dengan mengambil kira, tanpa batasan kepada kecederaan, kematian, dan kerosakan harta benda.
2. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur/Penaja Hadiah tidak memberi jaminan atau perwakilan apa jua, secara nyata, tersirat atau berkanun, berhubung dengan Peraduan ini, Hadiah termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kualiti dan kebolehgunaan berkenaan dengan Hadiah. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, pihak Penganjur adalah satu-satunya pihak yang bertanggungjawab ke atas sebarang hal berkaitan Hadiah, penganjuran dan pelaksanaan Peraduan ini. Apa-apa persoalan berkaitan dengan Peraduan ini boleh merujuk terus kepada pihak Penganjur.
3. Pihak Penganjur berhak untuk meminda, mengubah, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini dan/atau menukar atau menggantikan Hadiah yang ditawarkan dalam Peraduan ini dengan hadiah yang sama nilainya dan/atau mengubah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan ini pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu. Tiada pampasan dalam bentuk wang tunai atau apa-apa jenis bentuk pampasan akan diberikan untuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan akibat dari perkara di atas.
4. Penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang penyertaan lewat atau hilang disebabkan oleh masalah internet dan/atau isu-isu teknikal yang lain. Bukti penghantaran bukanlah bukti penerimaan.
5. Penganjur tidak bertanggungjawab untuk penyertaan yang tidak layak atau yang dibuat secara fraud.
6. Pihak Penganjur mempunyai hak untuk melucutkan pemenang yang dipilih sekiranya berlaku sebarang pelanggaran Terma dan Syarat.
7. Pihak Penganjur mempunyai hak untuk membatalkan penyertaan palsu, atau penyertaan yang disyaki dipalsukan pada bila-bila masa.
8. Pihak Penganjur mempunyai hak untuk membatalkan Peraduan ini di mana-mana peringkat, jika dianggap perlu, dan/atau jika terdapat keadaan di luar kawalannya.
9. Pemenang dikehendaki menghadiri sesi fotografi dan videografi. Pihak Penganjur berhak untuk menggunakan aset ini untuk tujuan promosi.

10. Keputusan Penganjur adalah muktamad. Sebarang aduan dan pertanyaan tidak akan dilayan.
11. Semua keputusan yang dibuat berhubung dengan Peraduan adalah muktamad, konklusif dan mengikat.
12. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan mana-mana terma yang terdapat di dalam material promosi untuk Peraduan ini, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.
13. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dengan Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
14. Terma dan syarat akan ditadbir dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan adalah di bawah bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.

#### **I. NOTIS PRIVASI**

1. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Pelanggan bersetuju dan memberi kebenaran kepada pihak Penganjur untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan, memproses nama mereka, nombor kad pengenalan (KP) yang telah ditutupkan dan butir-butir lain ("Data Peribadi") untuk tujuan menjalankan Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumuman dan penerbitan Data Peribadi dan/atau foto Pelanggan di laman web Penganjur untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
2. Dengan mengambil bahagian di dalam Peraduan ini, Pelanggan dengan ini bersetuju untuk membenarkan bank masing-masing untuk berkongsi dan mendedahkan Data Peribadi mereka kepada pihak Penganjur/Penaja Hadiah untuk tujuan yang berkaitan dengan Peraduan.
3. Penganjur boleh menggunakan perkhidmatan pihak ketiga termasuk dan tidak terhad kepada Penaja Hadiah/institusi kewangan yang mengambil bahagian untuk memproses Data Peribadi Pelanggan. Semua pihak ketiga tersebut terikat dengan undang-undang untuk tidak menggunakan Data Peribadi Pelanggan selain dari cara yang dinyatakan di sini.
4. Di bawah undang-undang Malaysia, hak Pelanggan termasuk:
  - a. Hak untuk menarik balik persetujuan untuk penggunaan Data Peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi Penganjur di alamat kontak yang disebutkan di bawah dengan memberikan kepada Penganjur nama Pelanggan dan alamat e-mel untuk tujuan memadamkan Data Peribadi tersebut;
  - b. Hak untuk memperoleh salinan Data Peribadi yang disimpan oleh Penganjur; dan
  - c. Hak untuk membetulkan Data Peribadi yang tidak tepat.
5. Jika Pelanggan ingin mengemukakan sebarang pertanyaan berkenaan isu berkaitan Data Peribadi atau ingin menggunakan hak di bawah undang-undang, bolehlah menghubungi pihak Penganjur di [www.sogo.com.my](http://www.sogo.com.my) atau hubungi 1300 88 7646.

6. Penganjur akan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk memastikan Data Peribadi Pelanggan selamat, dan memastikan pihak ketiga untuk melakukan perkara yang sama. Walau bagaimanapun, Penganjur boleh mendedahkan Data Peribadi pelanggan jika diperlukan oleh undang-undang, waran geledah, sepina atau perintah mahkamah.
7. Apa-apa perkara berkaitan Data Peribadi yang berhubung kait dengan Peraduan ini akan ditadbir dan diuruskan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan apa-apa undang-undang yang berkaitan di Malaysia.

[TAMAT]